

'Bandar kecil' First Residence @ Kepong

Kondominium untuk individu yang inginkan kehidupan eksklusif



HARTANAH

Oleh Che Wan Badrul Alias
chewan@bharian.com.my

CITA rasa pembeli masa kini yang pelbagai dan kadang kala agak 'cerewet' dalam membuat keputusan untuk membeli rumah idaman mereka, mendorong pemaju perumahan untuk menyediakan kediaman yang benar-benar dapat memenuhi kehendak golongan terbabit.

Kini, banyak pemaju perumahan berusaha menawarkan nilai tambah bagi kemudahan yang ditawarkan dalam setiap projek yang mereka majukan, sekali gus berpotensi mengatasi saingan mereka dalam menggamit pembeli.

Tidak ketinggalan berbuat demikian ialah TSI Holdings Sdn Bhd, yang baru-baru ini melancarkan projek pembangunan hartanah dikenali sebagai First Residence @ Kepong Baru yang menawarkan pelbagai kemudahan tambahan kepada pembeli unit kondominium yang dibangunkannya.

Berteraskan kepada konsep 'bandar kecil' dalam kondominium, pemaju hartanah

itu cuba membawakan kelainan kepada keseluruhan kehidupan moden kumpulan sasarannya yang merangkumi golongan eksekutif berusia antara 27 tahun hingga 40 tahun.

Dengan nilai pembangunan kasar mencecah RM164 juta, First Residence @ Kepong Baru membabitkan pembinaan dua menara iaitu A dan B yang akan menempatkan 58 unit kedai, 474 unit kondominium, dua tingkat ruang kemudahan untuk pengguna dan lebih 800 ruang tempat letak kenderaan.

Pengarah Urusan Kumpulan TSI Holdings, Lim Seng Kok, berkata pihaknya berusaha untuk membina kawasan kediaman yang selesa, eksklusif serta lengkap dengan kemudahan asas untuk pembeli tanpa perlu keluar dari kawasan kediaman mereka.

Katanya, antara kemudahan ditawarkan First Residence @ Kepong Baru termasuk kolam renang dewasa, kolam kanak-kanak, kawasan permainan interaktif, dua kawasan permainan kanak-kanak, trek basikal dan papan luncur.

Turut disediakan ialah gimnasium berhadapan kolam renang, pusat yoga dan aerobik, dua bilik karaoke dan ruang tayangan video, bilik wayang mini dengan lebih 20 tempat duduk, kawasan bermain catur gerasi, serta taman 'Maze'.

"Terdapat juga bilik snuker dan billiard, ruang permainan multimedia, bilik membaca, tadika dan pusat



TAMAN rekreasi bertemakan 'Maze' antara keunikan di First Residence @ Kepong.

jagaan kanak-kanak, bilik komputer dan WiFi, kiosk ais krim dan kafe, kawasan BBQ ala Alfresco, Dewan Banquet, bilik urut, taman berkonsep tropika, taman terbuka awan, ruang rehat pavilion, serta taman pokok palma," katanya.

Beliau berkata, sehingga kini sebanyak 70 peratus unit kondominium di Menara A iaitu yang diperuntukkan untuk bukan Bumiputera sudah habis dijual manakala kuota untuk Bumiputera masih dibuka untuk jualan.

Unit kondominium di Menara A dijual pada harga antara RM251,000 sehingga RM384,000 seunit, katanya.

Lim berkata, syarikat juga kini membuka untuk jualan bagi unit kondominium di Menara B yang berharga antara RM250,000 sehingga RM380,000 seunit.

Katanya, unit kondominium berkenaan ditawarkan dengan keluasan antara 930 kaki persegi hingga 1,450 kaki persegi.

Beliau berkata, lapan rekaan lantai disediakan untuk unit kondominium terbabit termasuk jenis A dengan keluasan 1,075 kaki persegi, jenis B (1,109 kaki persegi), jenis C (1,030 kaki persegi) dan jenis D (930 kaki persegi).

"Kesemua lapan unit ter-

babit dilengkapi taman di ruang balkoni untuk penghuni menghiasi rumah dengan suasana kehijauan," katanya.

Lim menambah, berdasarkan rekod pembangunan sebelum ini, syarikat mengekalkan ciri penting yang sering kali mempengaruhi keputusan pembeli iaitu aspek keselamatan pada tahap tertinggi.

Katanya, ini termasuk kawalan oleh pengawal keselamatan 24 jam setiap hari, penggunaan kad pintar untuk keluar dan masuk, kamera keselamatan di kawasan strategik dan sistem interkom.